

KAJIAN SEMULA SISTEM CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT

Kedudukan Semasa

Cukai pendapatan syarikat adalah berdasarkan sistem imputasi penuh. Di bawah sistem ini, cukai dikenakan di peringkat syarikat dan di peringkat pemegang saham ke atas dividen. Bagaimanapun, cukai yang dikenakan ke atas pemegang saham akan mengambil kira cukai yang telah dibayar oleh syarikat melalui kredit cukai.

Sistem imputasi ini melibatkan kos pentadbiran yang signifikan bagi memastikan pematuhan ke atas cukai yang telah dibayar dan amaun dividen yang akan diagihkan, memandangkan dividen hanya boleh diagihkan sekiranya cukai telah dibayar oleh syarikat.

Sistem imputasi juga menyebabkan syarikat sukar membayar dividen daripada pendapatan yang tidak dikenakan cukai seperti keuntungan modal.

Cadangan

Untuk menjadikan sistem pentadbiran cukai lebih mudah dan efisien, adalah dicadangkan sistem cukai pendapatan syarikat satu peringkat (*single tier*) diperkenalkan pada kadar 26%. Di bawah sistem cukai *single tier* ini, cukai ke atas keuntungan syarikat adalah cukai muktamad dan dividen yang diagihkan dikecualikan cukai di tangan pemegang saham.

Syarikat yang tidak mempunyai baki kredit akaun seksyen 108 (*nil balance*) pada 1 Januari 2008 akan beralih kepada sistem cukai *single tier* secara automatik dan dikenakan kadar cukai 26%. Manakala syarikat yang masih mempunyai baki kredit akaun seksyen 108 juga dibenarkan membuat pilihan untuk beralih kepada sistem cukai *single tier*.

Syarikat yang mempunyai baki kredit akaun seksyen 108 tetapi tidak memilih untuk beralih kepada sistem cukai *single tier* adalah dibenarkan menggunakan baki kredit bagi tujuan pengagihan dividen dalam tempoh peralihan selama 6 tahun sehingga 31 Disember 2013. Mekanisme dan syarat menggunakan kredit tersebut adalah seperti berikut:

- i. baki kredit akaun seksyen 108 yang dibenarkan bagi tujuan pengagihan dividen kepada pemegang saham adalah baki setakat 31 Disember 2007;
- ii. baki kredit akaun seksyen 108 diselaraskan hanya jika terdapat pengurangan cukai;
- iii. syarikat yang telah menggunakan sepenuhnya baki kredit akaun seksyen 108 pada bila-bila masa dalam tempoh peralihan akan secara automatik beralih kepada sistem cukai *single tier*;
- iv. semua syarikat akan beralih kepada sistem cukai *single tier* secara automatik pada 1 Januari 2014 walaupun masih mempunyai baki kredit akaun seksyen 108 pada 31 Disember 2013;
- v. mengekalkan peruntukan semasa di mana syarikat yang mengambil alih syarikat lain tidak boleh mengambil alih baki kredit akaun seksyen 108;
- vi. syarikat hanya dibenarkan membayar dividen tunai; dan
- vii. bagi syarikat kecil dan sederhana, cukai ke atas dividen yang dibayar kepada pemegang saham adalah dipotong daripada baki kredit akaun seksyen 108 berdasarkan kadar cukai semasa tertinggi.

Syarat bagi pemegang saham menuntut kredit cukai

- i. Hanya perbelanjaan langsung berkaitan dengan pendapatan dividen sahaja dibenarkan ditolak dalam mengira pendapatan larasan dividen;

- ii. Tuntutan kredit hanya dibenarkan bagi pegangan saham secara berterusan selama 90 hari atau lebih daripada tarikh pembelian saham (tidak termasuk syarikat awam tersenarai);
- iii. Hanya dividen yang terbit dari pegangan saham biasa sahaja layak mendapat kredit cukai; dan
- iv. Pendapatan dividen pemegang saham syarikat yang bukan daripada punca perniagaan tidak boleh diagregatkan dengan pendapatan lain dalam mengira pendapatan bercukai. Syarat ini tidak terpakai bagi entiti bukan syarikat.

Di samping itu, untuk meningkatkan lagi daya saing negara, adalah dicadangkan kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan kepada 25% mulai tahun taksiran 2009.

Untuk syarikat kecil dan sederhana, di bawah sistem *single tier*, kadar cukai bagi pendapatan bercukai RM500,000 dan ke bawah dikekalkan pada 20%.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

MEMANSUHKAN *THRESHOLD* CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN PROFESIONAL, PERUNDINGAN DAN PENGURUSAN

Kedudukan Semasa

Penyedia perkhidmatan profesional, perundingan dan pengurusan yang telah mencapai *threshold* iaitu nilai perolehan jualan RM150,000 dalam tempoh 12 bulan atau sebahagian daripada tempoh 12 bulan, hendaklah mendapatkan lesen di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan mengutip cukai perkhidmatan sebanyak 5% daripada pelanggannya.

Jumlah perolehan jualan penyedia perkhidmatan profesional, perundingan dan pengurusan bagi sesuatu tempoh masa adalah tidak menentu. Ini menyebabkan penyedia perkhidmatan berkenaan sukar memastikan sama ada *threshold* telah dicapai dan terdedah kepada risiko dikenakan penalti kerana gagal mendapatkan lesen dan mengutip cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan profesional yang bercukai adalah perkhidmatan perakaunan, guaman, kejuruteraan, arkitek, juruukur, penilai, penaksir dan ejen hartanah.

Cadangan

Bagi memudahkan penyedia perkhidmatan profesional, perundingan dan pengurusan mengutip cukai perkhidmatan di samping mewujudkan persaingan yang sihat di antara penyedia perkhidmatan yang sama, adalah dicadangkan *threshold* bagi perkhidmatan profesional, perundingan dan pengurusan dimansuhkan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008.

**PEMBAYARAN DUTI SETEM MENGGUNAKAN
PENILAIAN SWASTA**

Kedudukan Semasa

Semua surat cara pindah milik hartanah perlu disetamkan bagi membolehkan pindah milik tersebut disempurnakan. Pada masa ini, duti setem ke atas surat cara pindah milik hartanah ditaksir hanya berdasarkan kepada penilaian rasmi yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Cadangan

Bagi memudahkan mana-mana pihak melaksanakan pindah milik hartanah dengan segera sebelum mendapat penilaian rasmi daripada JPPH, adalah dicadangkan penilaian swasta boleh digunakan sebagai alternatif untuk tujuan pembayaran duti setem. Pembayaran tersebut hendaklah disertakan dengan jaminan bank yang tempoh sah lakunya tidak kurang daripada 6 bulan dan dikira berasaskan perbezaan duti setem antara penilaian JPPH dengan penilaian pihak swasta. Penilaian JPPH dianggap 35% lebih tinggi daripada pihak swasta bagi maksud mengira jumlah jaminan bank yang perlu disediakan.

Jumlah jaminan bank ditentukan mengikut formula berikut:

$$C = A - B$$

di mana A ialah amaun duti setem yang dikenakan berdasarkan nilai hartanah yang ditentukan mengikut formula berikut:

$$Y \times \frac{100}{65}$$

di mana Y adalah nilai hartanah berdasarkan penilaian swasta.

B ialah amaun duti setem yang dikenakan berdasarkan penilaian swasta.

C ialah amaun jaminan bank.

Taksiran amaun duti sebenar akan dibuat selepas mendapat penilaian rasmi daripada JPPH. Sekiranya taksiran sebenar melebihi duti setem yang telah dibayar berdasarkan penilaian swasta, duti tambahan perlu dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan. Jaminan bank hanya akan dituntut sekiranya bayaran duti tambahan tidak dibuat.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008.

LAMPIRAN 4

PENGGABUNGAN BORANG KASTAM

Bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan Kastam DiRaja Malaysia, adalah dicadangkan borang-borang kastam yang memerlukan maklumat yang hampir sama digabungkan. Borang kastam yang terlibat adalah seperti berikut:

Borang Semasa		Borang Baru
CJ3 CP3	- Penyata Cukai Jualan - Penyata Cukai Perkhidmatan	JKED No. 3 (Penyata Bayaran Cukai Dalaman)
K13 K14 K21 CJ2 CJ7 CP2 E1 E2 Jadual 1	- Lesen Gudang - Lesen Gudang Mengilang - Lesen Kedai Bebas Cukai - Lesen Di Bawah Akta Cukai Jualan – Lesen Pengilang - Sijil Pengecualian Daripada Pelesenan Cukai Jualan - Lesen Cukai Perkhidmatan - Lesen Mengilang (Akta Eksais) - Lesen Gudang (Akta Eksais) - Membotol Dan Memindah Liqour Yang Memabukkan (Peraturan Eksais)	JKED No. 4 (Lesen/Sijil)
K4 K5 K6	- Daftar Muatan Masuk - Daftar Muatan Keluar - Daftar Muatan Pemindahan	JKED No. 5 (Daftar Muatan)
K19 K20	- Kebenaran Berlabuh Di Sisi Tempat Pendaratan Yang Sah Atau Di Sisi Kapal Laut Dalam Kawasan Pelabuhan - Kebenaran Untuk Membawa Barang Berduti Atau Larangan Oleh Perahu Tempatan	JKED No. 6 (Kebenaran Berlabuh/Kebenaran Membawa Barang)

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008.

**MEMBENARKAN EJEN CUKAI MEMFAIL BORANG NYATA
CUKAI PENDAPATAN BAGI PIHAK PELANGGANNYA MELALUI
*e-FILING***

Kedudukan Semasa

Pembayar cukai yang menggunakan perkhidmatan ejen cukai untuk menyediakan borang nyata cukai pendapatannya masih perlu memfailkannya sendiri sekiranya memfail secara elektronik. Tiada peruntukan bagi ejen cukai memfail borang nyata cukai pendapatan pelanggannya melalui *e-filing*.

Cadangan

Bagi memudahkan ejen cukai memfailkan borang nyata cukai pendapatan bagi pelanggannya, adalah dicadangkan ejen cukai dibenar memfail borang nyata cukai pendapatan pelanggannya menerusi *e-filing* dengan hanya menggunakan nombor pengenalan diri (PIN) yang diperuntukkan kepada ejen cukai tersebut.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**POTONGAN KE ATAS INSURANS
INDEMNITI PROFESIONAL**

Kedudukan Semasa

Insurans indemniti profesional adalah bagi melindungi seseorang profesional daripada risiko tuntutan atas aset persendirianya jika berlaku kecuaiian semasa menjalankan tugas. Perbelanjaan premium ke atas insurans ini tidak dibenarkan sebagai potongan untuk tujuan cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi menjadikan seseorang profesional lebih bertanggungjawab dan bagi melindungi pengguna dalam kes-kes kecuaiian, adalah dicadangkan perbelanjaan premium insurans indemniti profesional dibenarkan sebagai potongan untuk tujuan cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PENGGABUNGAN
DAN PENGAMBILALIHAN SYARIKAT TERSENARAI**

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah diberi kepada syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang melaksanakan penggabungan dan pengambilalihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti mulai 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2007.

Cadangan

Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tersenarai di Bursa Malaysia melaksanakan penggabungan dan pengambilalihan, adalah dicadangkan pengecualian duti setem ke atas semua surat cara berkaitan dengan penggabungan dan pengambilalihan dilanjutkan selama 3 tahun lagi.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi penggabungan dan pengambilalihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sehingga 31 Disember 2010 dan pelaksanaan penggabungan dan pengambilalihan selesai selewat-lewatnya pada 31 Disember 2011.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI
PENGgabUNgAN VENDOR PETRONAS**

Kedudukan Semasa

Terdapat lebih daripada 1,000 vendor yang berlesen dengan Petronas yang menjalankan perkhidmatan dalam industri minyak dan gas. Kebanyakan vendor ini hanya tertumpu kepada pasaran tempatan.

Cadangan

Bagi menggalakkan vendor yang berlesen dengan Petronas bergabung untuk menjadi vendor yang berdaya saing di peringkat global, adalah dicadangkan pengecualian duti setem diberi ke atas semua surat cara yang terlibat dalam penggabungan vendor berlesen yang menjalankan aktiviti hulu.

Cadangan ini adalah bagi penggabungan yang diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2010.

**LAYANAN CUKAI BAGI PELUPUSAN BANGUNAN KEPADA
AMANAH PELABURAN HARTANAH**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang melupuskan bangunan yang layak mendapat Elaun Bangunan Industri (EBI) dikenakan kenaan imbangan jika nilai pelupusan melebihi baki EBI yang belum dituntut. Ini termasuk pelupusan kepada Amanah Pelaburan Hartanah (REIT).

Walau bagaimanapun, kenaan imbangan tidak dikenakan bagi pelupusan bangunan yang memenuhi peruntukan 'jualan terkawal' di antara syarikat dalam kumpulan yang sama.

Cadangan

Bagi menggalakkan pertumbuhan REIT di Malaysia, adalah dicadangkan pelupusan bangunan daripada sebuah syarikat kepada REIT tidak dikenakan kenaan imbangan. EBI yang layak dituntut oleh REIT adalah baki EBI yang belum dituntut oleh pelupus.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT
YANG MENGURUS DANA ISLAM**

Kedudukan Semasa

Syarikat tempatan dan asing yang mengurus dana Islam daripada pelabur asing yang diluluskan telah diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas fi pengurusan bagi mengurus dana pelabur asing mulai tahun taksiran 2007 sehingga tahun taksiran 2016.

Cadangan

Bagi terus mempromosi aktiviti pengurusan dana Islam, adalah dicadangkan syarikat tempatan dan asing yang mengurus dana Islam daripada pelabur tempatan dan asing diberi pengecualian cukai ke atas semua fi yang diterima daripada pengurusan dana tersebut. Dana Islam berkenaan hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2016.

**GALAKAN CUKAI TAMBAHAN UNTUK PUSAT KEWANGAN
ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Pelbagai galakan telah disediakan untuk merealisasikan hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC). Antaranya adalah:

- i. pengecualian cukai pendapatan kepada bank Islam dan unit perbankan Islam antarabangsa, syarikat takaful dan unit takaful antarabangsa sehingga tahun taksiran 2016;
- ii. potongan bagi tujuan cukai pendapatan dibenarkan ke atas perbelanjaan menubuhkan syarikat broker saham Islam sehingga 31 Disember 2009;
- iii. pengecualian duti setem ke atas surat cara yang disempurnakan berkaitan dengan aktiviti perbankan Islam dan takaful dalam mata wang asing sehingga 31 Disember 2016; dan
- iv. pengecualian duti setem ke atas surat cara berkaitan dengan terbitan bon Islam dalam semua jenis mata wang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sehingga 31 Disember 2016.

Cadangan

Bagi menarik pakar terkemuka dunia dalam bidang kewangan Islam menyertai MIFC, adalah dicadangkan pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diterima oleh pakar kewangan Islam bukan pemastautin. Pakar berkenaan hendaklah ditentu sahkan oleh Sekretariat MIFC.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 8 September 2007 sehingga 31 Disember 2016.

KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI BAGI PERNIAGAAN TAKAFUL

Kedudukan Semasa

Perniagaan takaful diberi layanan cukai yang sama seperti perniagaan insurans konvensional. Tiada layanan cukai khusus yang disediakan bagi perniagaan takaful terutamanya berkaitan:

- i. perbelanjaan pengurusan yang ditanggung oleh pemegang saham;
- ii. bahagian perkongsian keuntungan yang diagih kepada peserta takaful;
- iii. fi agensi (fi Wakalah) yang diterima daripada dana takaful keluarga dan dana takaful am; dan
- iv. pinjaman tanpa faedah (*Qard*) daripada dana pemegang saham.

Cadangan

Bagi menambah baik layanan cukai ke atas perniagaan takaful, adalah dicadangkan satu peruntukan khas diwujudkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuk memberi layanan cukai khusus bagi perkara berikut:

- i. perbelanjaan pengurusan yang ditanggung daripada dana pemegang saham dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar dana pemegang saham;
- ii. bahagian perkongsian keuntungan yang diagih kepada peserta daripada dana takaful keluarga dan dana takaful am dibenarkan potongan;
- iii. bahagian perkongsian keuntungan yang diagih kepada peserta berkaitan dengan pendapatan pelaburan

dikenakan cukai ke atas peserta melalui mekanisme cukai pegangan muktamad;

- iv. mengenakan cukai ke atas fi Wakalah yang diterima oleh pemegang saham daripada dana takaful keluarga dan dana takaful am; dan
- v. membenarkan potongan ke atas *Qard* daripada dana pemegang saham dan mengenakan cukai ke atas pembayaran balik *Qard*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI BAGI
PERNIAGAAN INSURANS HAYAT**

Kedudukan Semasa

Bagi perniagaan insurans hayat, pendapatan pelaburan dan keuntungan jualan pelaburan yang diperoleh oleh dana hayat dikenakan cukai pada kadar 8%, manakala pendapatan dana pemegang saham dikenakan cukai pada kadar 27%.

Sebahagian daripada pendapatan pelaburan dan keuntungan jualan pelaburan daripada dana hayat yang telah di cukai pada kadar 8% dipindahkan kepada dana pemegang saham sebagai lebihan aktuari. Lebihan aktuari ini juga dikenakan cukai pada kadar 27%. Agihan lebihan aktuari dibuat berdasarkan kepada bahagian pendapatan dana sertaan (*participating fund*) dan dana ketaksertaan (*non-participating fund*) kepada dana hayat.

Cadangan

Sebagai langkah untuk memantapkan lagi layanan cukai bagi perniagaan insurans hayat, adalah dicadangkan tolakan cukai (*set-off*) daripada jumlah cukai yang telah dikenakan ke atas dana pemegang saham diberi untuk mengatasi insiden cukai dua kali. Jumlah tolakan cukai ini dikira seperti berikut:

$$\left[A \times \frac{B}{C} \right] \times D$$

- di mana
- A ialah lebihan aktuari dipindah;
 - B ialah pendapatan pelaburan bersih dan keuntungan jualan pelaburan bersih dana hayat;
 - C ialah pendapatan pelaburan bersih dan keuntungan jualan pelaburan bersih dan

lebih berbangkit daripada premium dana hayat (jika ada); dan

D ialah kadar cukai yang dikenakan ke atas dana hayat pada tahun taksiran tersebut.

Pengiraan di atas terpakai sepenuhnya bagi menentukan tolakan cukai berkaitan dengan dana ketaksertaan. Untuk dana sertain, pengiraan bagi B dan C hanya akan mengambil kira pendapatan dan premium yang berkaitan dengan dana pemegang saham sahaja. Tolakan cukai ini hanya terpakai sekiranya terdapat pendapatan yang dikenakan cukai bagi dana pemegang saham.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI PENDAPATAN BAGI SYARIKAT LUAR PESISIR LABUAN

Kedudukan Semasa

Pendapatan syarikat luar pesisir Labuan daripada aktiviti luar pesisir dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, manakala pendapatan daripada aktiviti bukan luar pesisir dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pendapatan daripada aktiviti luar pesisir dikenakan cukai seperti berikut:

- i. pendapatan daripada *offshore trading* seperti perbankan dan insurans luar pesisir dikenakan cukai sebanyak 3% daripada keuntungan bersih atau RM20,000, mengikut pilihan; dan
- ii. pendapatan daripada *offshore non-trading* seperti dividen, faedah dan royalti dikecualikan daripada cukai.

Pendapatan daripada aktiviti bukan luar pesisir dikenakan cukai pada kadar semasa cukai syarikat.

Cadangan

Bagi menyediakan satu layanan cukai yang responsif kepada syarikat luar pesisir Labuan dalam usaha untuk mengekalkan daya saing, adalah dicadangkan syarikat luar pesisir Labuan diberi pilihan supaya pendapatan daripada aktiviti perniagaan luar pesisir dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 di samping pilihan sedia ada di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Pilihan baru ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**MELUASKAN GALAKAN KEPADA
PENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN
EKSPORT (PERKHIDMATAN) DAN JENAMA**

Kedudukan Semasa

Syarikat pengilang yang menerima Anugerah Kecemerlangan Eksport (Dagangan) diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas nilai peningkatan eksport. Insentif cukai ini tidak diberi kepada syarikat yang menerima Anugerah Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) dan syarikat yang menerima Anugerah Kecemerlangan Jenama.

Cadangan

Bagi mengiktiraf komitmen dan usaha syarikat yang cemerlang dalam eksport perkhidmatan dan yang berjaya mengeksport jenama Malaysia di peringkat antarabangsa, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas nilai peningkatan eksport yang diberikan kepada pemenang Anugerah Kecemerlangan Eksport (Dagangan) diperluaskan kepada penerima Anugerah Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) dan penerima Anugerah Kecemerlangan Jenama.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN BAGI PEGAWAI
DAGANG YANG BERKHIDMAT DI PUSAT PEROLEHAN
ANTARABANGSA DAN PUSAT PENGEDARAN SERANTAU**

Kedudukan Semasa

Pegawai dagang yang berkhidmat di Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) dan Pusat Pengedaran Serantau (RDC) dikenakan cukai ke atas keseluruhan pendapatan penggajian yang diterima di Malaysia walaupun mereka sering keluar negara bagi menjalankan tugas. Sebaliknya, mulai tahun taksiran 2003, pegawai dagang yang berkhidmat di Ibu Pejabat Operasi (OHQ) dan Pejabat Serantau (RO) yang juga sering keluar negara menjalankan tugas dikenakan cukai hanya ke atas bahagian pendapatan penggajian yang diperolehi bagi tempoh pegawai dagang tersebut berada dalam negara.

Cadangan

Bagi menyamakan layanan cukai pendapatan antara pegawai dagang yang berkhidmat di IPC dan RDC dengan pegawai dagang yang berkhidmat di OHQ dan RO, adalah dicadangkan pegawai dagang yang berkhidmat di IPC dan RDC dikenakan cukai ke atas bahagian pendapatan penggajian yang diperolehi bagi tempoh pegawai dagang tersebut berada dalam negara.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**MEMPERCEPATKAN PELABURAN
DALAM AKTIVITI TERTENTU**

Kedudukan Semasa

Pelaburan dalam aktiviti tertentu seperti di bawah tidak begitu menggalakkan:

- i. Penternak ayam dan itik yang membuat pelaburan semula dalam menukar sistem ternakan daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup**

Galakan yang diberi:

Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dengan elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran. Galakan diberi mulai tahun taksiran 2003 dan bagi tempoh 15 tahun berturut-turut.

- ii. Syarikat perladangan bukan getah yang menanam sekurang-kurangnya 10% daripada ladangnya dengan pokok kayu getah**

Galakan yang diberi:

Elaun Pertanian Dipercepatkan yang layak dituntut dalam tempoh satu tahun ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan bagi menyediakan kawasan ladang, bagi menanam pokok kayu getah dan menyenggara ladang getah. Galakan adalah bagi permohonan yang diterima mulai 21 September 2002.

- iii. Program Rantain Industri (ILP)**
 - a. Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) yang membekalkan komponen, teknologi atau R&D**

Galakan yang diberi:

Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

b. SME yang mampu mencapai *world class standard* dari segi harga, kualiti dan kapasiti

Galakan yang diberi:

Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Galakan diberi bagi permohonan yang diterima mulai 25 Oktober 1997.

Cadangan

Untuk memastikan pelaburan dalam aktiviti tertentu seperti di atas dipercepatkan, adalah dicadangkan:

- i. galakan (i) dan (ii) berkuat kuasa sehingga tahun taksiran 2010; dan
- ii. galakan (iii)(a) dan (iii)(b) berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima tidak lewat dari 31 Disember 2010.

**RASIONALISASI GALAKAN BAGI TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diberi galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Permohonan bagi galakan ini dibuat kepada Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) atau Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Galakan cukai berbeza mengikut lokasi seperti berikut:

i. Syarikat berstatus MSC Malaysia yang menjalankan aktiviti ICT di *Cybercities* dan *Cybercentres*

- a. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 10 tahun; atau
- b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Galakan yang sama juga layak bagi fakulti multimedia di institusi pengajian tinggi di luar *Cybercities* dan *Cybercentres*.

ii. Syarikat yang menjalankan aktiviti ICT di luar *Cybercities* dan *Cybercentres*

- a. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 50% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun; atau
- b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 50% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak

sehingga 50% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

iii. Syarikat yang menjalankan aktiviti pembangunan perisian komputer di luar *Cybercities* dan *Cybercentres*

Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 70% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun.

Cadangan

Bagi memastikan pembangunan ICT adalah lebih fokus, adalah dicadangkan galakan bagi aktiviti ICT termasuk pembangunan perisian komputer dirasionalisasikan seperti berikut:

- i. syarikat yang menjalankan aktiviti ICT termasuk pembangunan perisian komputer di luar *Cybercities* dan *Cybercentres* dipusatkan di dalam *Cybercities* dan *Cybercentres* dan diberi galakan bagi syarikat bertaraf MSC Malaysia:
 - a. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
 - b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran;
- ii. galakan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti ICT dan pembangunan perisian komputer di luar *Cybercities* dan *Cybercentres* ditamatkan; dan
- iii. MDeC dijadikan agensi tunggal memproses dan memperakukan galakan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti ICT termasuk pembangunan perisian komputer.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 8 September 2007.

**LAYANAN CUKAI BAGI PERUSAHAAN
KECIL DAN SEDERHANA**

Kedudukan Semasa

Di bawah sistem taksiran tahun semasa, semua syarikat yang telah beroperasi termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu mengemukakan anggaran cukai kena bayar dalam tempoh selewat-lewatnya 30 hari daripada tarikh bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. Anggaran cukai kena bayar hendaklah sekurang-kurangnya 85% daripada cukai dibayar tahun sebelumnya. Anggaran cukai kena bayar hendaklah mula dibayar secara ansuran bulanan mulai bulan kedua tempoh asas.

Bagi syarikat yang baru memulakan operasi, ia dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena bayar dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh memulakan operasi berdasarkan justifikasi sendiri. Anggaran cukai kena bayar hendaklah mula dibayar secara ansuran bulanan mulai bulan keenam tempoh asas.

Cadangan

Bagi mengurangkan bebanan aliran tunai PKS yang baru memulakan perniagaan, adalah dicadangkan PKS ini dikecualikan daripada mengemukakan anggaran cukai kena dibayar dan juga pembayaran cukai secara ansuran. Pembayaran cukai sepenuhnya dibuat hanya semasa mengemukakan borang cukai pendapatan selewat-lewatnya 7 bulan dari tarikh tempoh perakaunan ditutup. Pengecualian ini diberi bagi tempoh 2 tahun taksiran bermula dari tarikh PKS memulakan operasi.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN BAGI SEKOLAH
YANG TIDAK BERMOTIF KEUNTUNGAN**

Kedudukan Semasa

Sumber utama pendapatan sekolah bantuan Kerajaan dan sekolah swasta yang tidak bermotif keuntungan lazimnya adalah daripada yuran sekolah, derma orang ramai, sewa dan faedah. Pendapatan ini tertakluk kepada cukai sekiranya sekolah tersebut tidak diluluskan sebagai institusi atau organisasi khairat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cadangan

Sebagai menghargai usaha badan amanah dan pertubuhan amal yang menyokong kemajuan pendidikan negara, adalah dicadangkan semua pendapatan yang diterima oleh sekolah bantuan Kerajaan dan sekolah swasta yang tidak bermotif keuntungan diberi pengecualian cukai. Sekolah bantuan Kerajaan dan sekolah swasta yang tidak bermotif keuntungan termasuk sekolah yang ditubuhkan oleh sekumpulan orang, suatu badan amanah atau suatu syarikat terhad oleh jaminan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**MELUASKAN SKOP PELEPASAN CUKAI INDIVIDU
BAGI PENGAJIAN PERINGKAT LEPASAN IJAZAH**

Kedudukan Semasa

Pembayar cukai individu yang melanjutkan pengajian ke peringkat *tertiary* dalam bidang pengajian yang tertentu di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diluluskan oleh Menteri Kewangan layak mendapat pelepasan cukai ke atas yuran pengajian sehingga RM5,000 setahun. Bidang pengajian yang layak adalah kemahiran teknikal, vokasional, perindustrian, saintifik, teknologi, undang-undang, perakaunan dan kewangan Islam.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, adalah dicadangkan pelepasan cukai sehingga RM5,000 setahun diperluaskan kepada semua bidang pengajian di peringkat pengajian lepasan ijazah iaitu sarjana dan doktor falsafah.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

GALAKAN KEPADA PENYEDIA KEMUDAHAN RANGKAIAN SAMBUNGAN TERAKHIR PERKHIDMATAN JALUR LEBAR

Kedudukan Semasa

Kerajaan telah mensasarkan kadar penembusan jalur lebar sebanyak 50% daripada isi rumah menjelang 2010. Antara faktor utama yang menyebabkan kadar penembusan jalur lebar yang rendah adalah kos pelaburan yang tinggi dalam menyediakan infrastruktur sambungan terakhir (*last mile*).

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat membuat pelaburan dalam infrastruktur sambungan terakhir, adalah dicadangkan penyedia kemudahan rangkaian sambungan terakhir diberi:

- i. pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan 100% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas infrastruktur jalur lebar. Elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran. Mekanisme pelaksanaan pengecualian ini adalah sama seperti galakan Elaun Pelaburan di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- ii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan jalur lebar dan peralatan capaian pengguna yang asasi dalam pembekalan perkhidmatan jalur lebar dan tidak dikeluarkan dalam negara.

Galakan ini adalah untuk pelaburan yang dibuat serta peralatan yang dibeli sehingga 31 Disember 2010.

Bagi cadangan (i), permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Bagi cadangan (ii), permohonan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

**PEMBERIAN KOMPUTER BARU DAN YURAN LANGGANAN
JALUR LEBAR OLEH MAJIKAN KEPADA PEKERJA**

Kedudukan Semasa

Pemberian komputer atau bayaran yuran langganan jalur lebar daripada majikan kepada pekerjaanya dianggap sebagai manfaat berupa barangan (*benefit in kind*) bagi pekerja dan tertakluk kepada cukai pendapatan. Perbelanjaan majikan ke atas pemberian manfaat tersebut juga tidak dibenarkan sebagai potongan cukai.

Cadangan

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan akses jalur lebar, adalah dicadangkan:

- i. manfaat berupa barangan dalam bentuk komputer baru atau pembayaran yuran langganan jalur lebar oleh majikan kepada pekerjaanya tidak tertakluk kepada cukai pendapatan; dan
- ii. perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan berkaitan dengan pemberian komputer atau bayaran yuran langganan jalur lebar tersebut dibenarkan sebagai potongan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS
PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN**

Kedudukan Semasa

Kadar semasa duti setem ke atas surat cara pindah milik hartanah termasuk rumah kediaman adalah seperti berikut:

Nilai Hartanah	Kadar Duti Atas Setiap RM100 Atau Sebahagian Daripadanya
RM100,000 yang pertama	RM1.00
>RM100,000 hingga ≤RM500,000	RM2.00
>RM500,000	RM3.00

Cadangan

Bagi menggalakkan pemilikan rumah kediaman, adalah dicadangkan surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM250,000.00 diberi pengecualian duti setem sebanyak 50%. Pengecualian ini diberi untuk satu rumah sahaja kepada setiap individu.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010.

**PELEPASAN CUKAI KE ATAS PEMBELIAN
PERALATAN SUKAN**

Kedudukan Semasa

Pembayar cukai individu telah diberi pelepasan cukai khusus untuk penjagaan kesihatan ke atas perbelanjaan berikut:

- i. premium insurans kesihatan sehingga maksimum RM3,000; dan
- ii. rawatan penyakit serius untuk diri sendiri, pasangan, anak dan ibu bapa sehingga maksimum RM5,000 termasuk pemeriksaan perubatan untuk diri sendiri, pasangan dan anak sehingga maksimum RM500.

Cadangan

Bagi melahirkan masyarakat yang sihat melalui budaya bersukan, adalah dicadangkan pelepasan cukai individu sehingga maksimum RM300 setahun diberi ke atas pembelian peralatan sukan dan senaman seperti pelbagai jenis raket dan bola, *treadmill*, *exercise bike* dan *airwalker*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS PINDAH MILIK
HARTANAH ANTARA SUAMI ISTERI**

Kedudukan Semasa

Surat cara pindah milik hartanah dikenakan duti setem pada kadar berikut:

Nilai Hartanah	Kadar Duti Atas Setiap RM100 Atau Sebahagian Daripadanya
RM100,000 yang pertama	RM1.00
>RM100,000 hingga \leq RM500,000	RM2.00
>RM500,000	RM3.00

Bagi pindah milik hartanah antara suami dan isteri atas dasar kasih sayang diberi pengecualian duti setem sebanyak 50%.

Cadangan

Bagi memantapkan nilai kekeluargaan dan mengukuhkan jaminan kewangan khususnya kepada isteri, adalah dicadangkan surat cara pindah milik hartanah antara suami dan isteri atas dasar kasih sayang dikecualikan daripada duti setem.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 8 September 2007.

**LAYANAN CUKAI KE ATAS MANFAAT
PERSARAAN PEKERJA SWASTA**

Kedudukan Semasa

Manfaat persaraan pekerja swasta yang bersara wajib pada umur 55 tahun dan ke atas atau atas sebab kesihatan diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya. Manakala manfaat persaraan bagi pekerja swasta yang bersara wajib pada umur 50 hingga kurang daripada 55 tahun diberi pengecualian cukai sehingga RM6,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan.

Cadangan

Bagi memberi layanan cukai yang sama khususnya bagi pekerja wanita di sektor swasta tertentu yang diwajibkan bersara lebih awal, adalah dicadangkan manfaat persaraan pekerja swasta yang bersara wajib pada umur 50 tahun dan ke atas diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya. Pengecualian ini diberi dengan syarat persaraan wajib adalah berdasarkan kontrak pekerjaan atau perjanjian kolektif (*collective agreement*) antara majikan dan pekerja.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

**GALAKAN CUKAI BAGI PENGUBAHSUAIAN TEMPAT
KERJA UNTUK PEKERJA KURANG UPAYA**

Kedudukan Semasa

Kebanyakan bangunan tempat kerja tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi bagi pekerja kurang upaya. Kos pengubahsuaian tempat kerja yang dilakukan oleh majikan bagi menyediakan kemudahan kepada pekerja kurang upaya tidak dibenarkan potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi memastikan persekitaran tempat kerja adalah selamat dan kondusif untuk pekerja kurang upaya serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang, adalah dicadangkan kos pengubahsuaian tempat kerja yang dilakukan oleh majikan dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

GALAKAN BAGI MAKMAL UJIAN PERALATAN PERUBATAN

Kedudukan Semasa

Makmal ujian peralatan perubatan telah dikenal pasti sebagai satu khidmat sokongan penting dalam menentukan peralatan perubatan keluaran negara berkualiti dan mencapai piawaian antarabangsa. Memandangkan kemudahan makmal ujian dalam negara masih belum mencukupi, kebanyakan peralatan perubatan dihantar ke luar negara untuk diuji.

Cadangan

Bagi menggalakkan pelabur swasta melabur dalam makmal ujian peralatan perubatan bertaraf antarabangsa, adalah dicadangkan syarikat yang melabur dalam makmal baru atau menaik taraf makmal sedia ada diberi galakan berikut:

A. Syarikat yang melabur dalam makmal baru bagi menguji peralatan perubatan

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

B. Syarikat yang menaik taraf makmal sedia ada bagi menguji peralatan perubatan

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun.

Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2012.

POTONGAN CUKAI UNTUK PROJEK KOMUNITI

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi projek komuniti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan boleh dibenarkan potongan cukai sepenuhnya di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967. Potongan ini hanya diberi jika projek tersebut tidak memberi manfaat kepada perniagaan syarikat.

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur untuk komuniti, adalah dicadangkan perbelanjaan yang dilakukan dalam menyediakan infrastruktur yang memberi manfaat ketara kepada orang ramai diberi potongan untuk tujuan cukai pendapatan. Kemudahan infrastruktur tersebut hendaklah tidak dikenakan apa-apa bayaran dan diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

GALAKAN BAGI MEMPERTINGKATKAN KAWALAN KESELAMATAN BARANGAN

Kedudukan Semasa

Penggunaan alat kawalan keselamatan di premis kilang dan alat pemantauan di kenderaan dapat mengurangkan risiko kecurian atau kehilangan barangan. Alat kawalan keselamatan dan pemantauan termasuk peralatan keselamatan elektronik seperti *anti-theft alarm system*, *access control system*, *closed circuit television* dan *vehicle tracking system*.

Cadangan

Bagi meningkatkan kawalan keselamatan barangan dengan menggalakkan syarikat memasang peralatan kawalan keselamatan dan pemantauan, adalah dicadangkan Elaun Modal Dipercepatkan diberi ke atas:

- i. peralatan kawalan keselamatan yang dipasang di premis kilang bagi syarikat yang diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975; dan
- ii. peralatan pemantauan kenderaan yang dipasang di lori kontena yang mempunyai Lesen Pembawa A dan lori kargo am yang mempunyai Lesen Pembawa A dan C.

Elaun Modal Dipercepatkan ini layak dituntut sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun dan alat kawalan keselamatan dan pemantauan kenderaan yang layak adalah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2012.

**MENAMBAH BAIK GALAKAN CUKAI UNTUK PENJANAAN
TENAGA DARIPADA SUMBER YANG BOLEH DIPERBAHARUI**

Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui (*Renewable Energy* - RE) adalah:

- A. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui**
- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
 - ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
 - iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

Sekiranya salah satu daripada syarikat dalam kumpulan yang sama telah diberi galakan (i) atau (ii) di atas, syarikat lain dalam kumpulan yang sama yang menjalankan aktiviti yang sama tidak layak mendapat galakan tersebut.

B. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri

Elaun Modal Dipercepatkan yang layak dituntut sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun ke atas peralatan untuk menjana tenaga.

Cadangan

Bagi menggalakkan lagi penjanaan tenaga daripada sumber RE, adalah dicadangkan galakan cukai semasa ditambah baik seperti berikut:

A. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui

Syarikat lain dalam kumpulan yang sama diberi galakan seperti (i) atau (ii) di atas walaupun salah satu daripada syarikat dalam kumpulan tersebut telah pun mendapat galakan ini.

B. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri

Galakan Elaun Modal Dipercepatkan diganti dengan Elaun Cukai Pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010.

**MENAMBAHBAIK GALAKAN CUKAI
UNTUK PENJIMATAN TENAGA**

Kedudukan Semasa

Galakan cukai untuk aktiviti penjimatan tenaga (Energy Efficiency - EE) adalah seperti berikut:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

B. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan

Bagi terus menambah baik galakan cukai untuk penjimatan tenaga, adalah dicadangkan:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga

- i. Tahap dan tempoh galakan Taraf Perintis ditingkatkan kepada 100% selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan ditingkatkan kepada 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

B. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri

Elaun Cukai Pelaburan ditingkatkan kepada 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010.

GALAKAN CUKAI BAGI PENGURANGAN GAS RUMAH HIJAU

Kedudukan Semasa

Gas rumah hijau (*Greenhouse Gas* – GHG) menyumbang kepada *global warming*. Syarikat yang berjaya mengurangkan pelepasan GHG diberi sijil *Certified Emission Reductions* (CERs) yang boleh diperdagangkan. Pendapatan daripada perdagangan sijil CERs dikenakan cukai.

Cadangan

Bagi menggalakkan syarikat melabur dalam projek pengurangan pelepasan GHG dalam usaha menangani *global warming*, adalah dicadangkan pendapatan yang diterima daripada perdagangan sijil CERs diberi pengecualian cukai.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010.